

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21 / 05 / 2008

Surat 3

SAYA sedih dengan pengumuman Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO. Sebagai orang yang sayangkan UMNO dan masa depan bangsa Melayu, saya tidak mahu memberi komen yang mengeruhkan lagi keadaan.

Saya boleh faham mengapa beliau terpaksa bertindak demikian. Cubalah berada dalam kedudukan beliau dan lihatlah kronologi perjalanan isu tersebut dengan adil dan jujur.

Tetapi pada masa yang sama saya agak tersentak dengan tindakannya itu keluar daripada UMNO pada ketika UMNO perlu diperkasakan lebih-lebih lagi selepas pilihan raya umum lalu yang menyaksikan prestasi terburuk dalam sejarah parti itu.

Suka atau tidak, Dr. Mahathir mempunyai pengaruh tersendiri biarpun selepas tiada jawatan dalam kerajaan. Beliau bukan calang-calang bekas Perdana Menteri.

Salah satu faktor signifikan prestasi

Saya juga yakin ada ruang untuk beliau berbaik semula dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

merudum BN termasuk UMNO pada pilihan raya umum lalu mempunyai kaitan dengan pengaruh beliau serta kesan daripada kritikan dan kenyataan-kenyataannya.

Lagipun beliau adalah tokoh paling besar jasanya kepada UMNO dan negara. Tiada siapa dalam UMNO sekarang mampu menandingi rekod itu.

Saya ingin mencadangkan agar UMNO mengambil usaha tertentu agar UMNO setidak-tidaknya 'tidak terus berjauhan' dengan Dr. Mahathir biarpun beliau berada di luar parti.

Contohnya janganlah mengeluarkan kenyataan dan komen yang keras terhadap negarawan itu. Rakyat banyak terhutang budi dengan Dr. Mahathir dan mengagumi orientasi merit yang ada padanya memerhatikan tingkah laku ki-

ta.

Contohnya Datuk Seri Rais Yatim yang menunjukkan kebijaksanaan dan bukan emosi dalam reaksinya.

Saya percaya Dr. Mahathir sesungguhnya masih cintakan UMNO. Sebab itu beliau mengumumkan tidak akan menyertai parti lain.

Saya juga yakin ada ruang untuk beliau berbaik semula dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah adalah seorang yang baik hati dan lemah lembut serta bersikap terbuka untuk memungkinkannya mereka berbaik. Kita sayang kedua-dua pemimpin tersebut.

DR. SOSIAL
Ipoh.